

Sinar Harian 30/12/2019 mlis 20

Harga ikan terkawal, bekalan mencukupi sepanjang musim tengkujuh

KUALA SELANGOR - Harga ikan di seluruh Malaysia secara keseluruhannya masih terkawal dan bekalan juga mencukupi di pasaran sepanjang musim tengkujuh yang dijangka berakhir Mac tahun depan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Mohd Faiz Fadzil berkata, LKIM dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) sentiasa memastikan bekalan ikan mencukupi dan tidak berlaku peningkatan harga.

Menurutnya, aktiviti

tangkapan ikan pada musim tengkujuh masih berterusan, malah hasil tangkapan juga meningkat.

“Namun, apabila berlaku fenomena seperti bencana yang mengejut, kadang-kadang ada pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga ikan,” katanya pada sidang akhbar selepas program *Back To School* Anak-anak Nelayan di Kompleks LKIM Kuala Selangor di sini semalam.

Mohd Faiz berkata, LKIM melancarkan bebe-

rapa program dengan mewujudkan pasar nelayan bagi memendekkan rantai-pemasaran hasil nelayan dengan memasarkan hasil tangkapan secara terus kepada pengguna.

“Kita ada sebanyak 129 pasar nelayan di seluruh Malaysia yang kebanyakannya di kawasan pengkalan nelayan.

“Kita juga ada Q-Fish yang dipelopori Nekmat di dua tempat iaitu di Kuala Kedah dan Kuala Besut yang menyediakan bekalan ikan segar beku,” katanya.



Mohd Faiz bergambar sempena program *Back To School* Anak-anak Nelayan di Kompleks LKIM Kuala Selangor semalam.